

BULETIN BHEUU

Edisi November – Disember 2019



Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri



SESI *TOWN HALL* CADANGAN HUKUMAN GANTIAN TERHADAP HUKUMAN MATI MANDATORI

Jawatankuasa Khas Kajian Hukuman Gantian Terhadap Hukuman Mati Mandatori ditubuhkan untuk mengkaji secara keseluruhan polisi penghukuman (*sentencing policy*) bagi menggantikan hukuman mati mandatori dengan hukuman yang lebih wajar tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.



Penubuhan Jawatankuasa Khas ini merupakan komitmen Kerajaan untuk memastikan proses gubalan undang-undang dilaksanakan secara inklusif, holistik dan efektif dengan memfokus kepada sesi libat urus dan *outreach* yang mencukupi selama tempoh masa kajian bermula 20 September 2019 hingga 20 Disember 2019.

Sehubungan itu, sebanyak enam sesi konsultasi awam berbentuk *town hall* diadakan sepanjang November 2019 iaitu :

- 4 November 2019 – Bayan Lepas, Pulau Pinang
- 11 November 2019 – BHEUU, Putrajaya
- 14 November 2019 – Johor Bahru, Johor
- 20 November 2019 – Kota Kinabalu, Sabah
- 21 November 2019 – Kuching, Sarawak
- 28 November 2019 – Kota Bharu, Kelantan



Bekas Ketua Hakim Negara, Tan Sri Richard Malanjum mengetuai Jawatankuasa Khas ini manakala sembilan ahli dilantik terdiri daripada bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, pengamal undang-undang, pensyarah undang-undang daripada universiti awam dan pakar kajian jenayah.

Sesi konsultasi ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas berkenaan dengan hukuman gantian kepada hukuman mati mandatori.

LAWATAN TAPAK TIMBALAN KETUA PENGARAH (DASAR DAN PEMBANGUNAN) BHEUU KE PROJEK MAHKAMAH BAHARU KANGAR, PERLIS

YBhg. Dato' Rohaizi Bahari, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Pembangunan) BHEUU telah mengadakan lawatan tapak Projek Mahkamah Baharu Perlis, Kangar pada 5 November 2019 (Selasa). Beliau diberi penerangan dan taklimat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan syarikat pembinaan terlibat berkenaan perkembangan projek tersebut.



LAWATAN BHEUU KE SASANA KIJANG BANK NEGARA MALAYSIA

Seramai 34 orang warga kerja BHEUU, Mdi dan JBG telah menjayakan lawatan ke Sasana Kijang Bank Negara Malaysia pada 6 November 2019 (Rabu) yang dianjurkan oleh Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, BHEUU.

Lawatan ini diketuai oleh Tuan Haji Mohd Shahren Ahmad Saman, Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BHEUU manakala ketibaan telah disambut oleh Encik Lim Foo Thai, Pengarah Muzium dan Galeri Seni, Bank Negara Malaysia.

Lawatan ini antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan peranan institusi perbankan dalam pembangunan negara serta berkongsi pengalaman Sasana Kijang sebagai Pusat Kecemerlangan Ilmu Pengetahuan dan Pembelajaran.

Satu taklimat ringkas disampaikan oleh Pegawai Khidmat Pelawat bertugas sebelum di bawa mengunjungi Galeri Numismatik, Galeri Ekonomi, Galeri Kewangan Islam, Galeri Bank Negara Malaysia, Galeri Kanak-Kanak dan berakhir dengan sesi bergambar.





BENGKEL KAJIAN DASAR BERHUBUNG CADANGAN UNTUK MEWUJUDKAN UNDANG-UNDANG MENGENAI KESALAHAN *STALKING* DI MALAYSIA

Bengkel Kajian Dasar Berhubung Cadangan Untuk Mewujudkan Undang-Undang Mengenai Kesalahan *Stalking* Di Malaysia telah diadakan selama dua hari iaitu pada 6 dan 7 November 2019 bertempat di Tingkat 10, BHEUU.

Undang-undang berkaitan jenayah intip dan hendap dikenali sebagai *anti-stalking law* yang bakal diperkenalkan Kerajaan dijangka mampu melindungi mangsa khususnya wanita daripada gangguan secara realiti atau dalam talian.

Kesalahan dijangka termaktub dalam undang-undang terbabit, bukan setakat gangguan secara sentuhan semata-mata, tetapi merangkumi perbuatan secara berterusan menggunakan pelbagai instrumen atau medium termasuk telekomunikasi hingga mengganggu emosi mangsa.





SAMBUTAN MAULIDUR RASUL SAW PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 1441H/2019M

Majlis Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1441H/2019M telah diadakan pada 9 November 2019 (Sabtu) bertempat di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Majlis bertemakan “Negara Rahmah Ummah Sejahtera” telah disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

BHEUU turut menyertai majlis ini dengan penyertaan seramai 45 orang.



LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN (FIRE DRILL)

Latihan Pengungsian Bangunan (*Fire Drill*) telah diadakan pada 12 November 2019 (Selasa) di bangunan BHEUU dengan kerjasama Pasukan Keselamatan Kebakaran dan Bencana (PKKB) BHEUU dan Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya.

Pada jam 10.00 pagi, loceng kebakaran telah dibunyikan secara berturutan beberapa minit sebagai tanda amaran. Semua warga BHEUU, JBG dan Mdl berjaya berkumpul ditempat yang telah disediakan di Laman Hijau Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya.

Latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga kerja di bangunan BHEUU tentang prosedur menyelamatkan diri jika berlaku kecemasan yang melibatkan kebakaran.



**MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS KABINET (PEMANDU)
UNTUK MENYEMAK PELAKSANAAN PERJANJIAN MALAYSIA 1963
BIL. 4/2019**



Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (PEMANDU) Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 Bil. 4/2019 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Perdana, Aras 3, Blok Utama, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya pada 18 November 2019 (Isnin).

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Turut serta dalam mesyuarat ini ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), Ketua Menteri Sabah, Ketua Menteri Sarawak dan Menteri-Menteri Kabinet.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

NATIONAL STAKEHOLDERS CONSULTATION ON THE RIGHT TO INFORMATION LEGISLATION



Program ini dilaksanakan oleh Pusat Kewartawanan Bebas (*Centre for Independent Journalism*) dan *CSO Coalition on Freedom Expression* dengan kerjasama BHEUU pada 27-28 November 2019 bertempat di Dewan Saksama, Aras 2, BHEUU.

Ucaptama disampaikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang).

PERJUMPAAN YAB PERDANA MENTERI BERSAMA WARGA JPM
BAGI BULAN DISEMBER 2019

“...saya merayu kepada pegawai Kerajaan untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada golongan miskin bagi mengatasi kemiskinan agar negara kita dapat membangun dengan pesat serta mungkin dapat disenaraikan di dalam negara-negara yang maju seperti negara Jepun, Korea Selatan dan China.

Tiada kejayaan yang datang bergolek. Sebaliknya, ia memerlukan usaha daripada kita...”

*Petikan ucapan YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad
2 Disember 2019 (Isnin)
Dataran Perdana Bangunan Perdana Putra*





JOM MOVIE @ PUSAT SUMBER

Bagi kanak-kanak, musim cuti sekolah adalah waktu paling menggemirakan. Ibu bapa mula memikirkan apakah aktiviti yang boleh mengisi masa lapang anak-anak mereka.

Sehubungan itu, Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan aktiviti Jom Movie @ Pusat Sumber pada 4 Disember 2019 (Rabu) dengan mengadakan tayangan dua filem animasi iaitu *Toy Story* dan *The Angry Birds Movie*.

Program ini mendapat sambutan dengan penglibatan kira-kira 60 orang kanak-kanak kakitangan warga BHEUU, Mdi dan JBG.

JOM SINGGAH KAUNTER INFORMASI PCN WIFI

Pada 4 Disember 2019 (Rabu), Seksyen Pengurusan Maklumat, BHEUU dengan kerjasama MAMPU telah mengadakan *information booth* bagi memberi kesedaran kepada warga kerja di Bangunan BHEUU berkenaan perkhidmatan baharu WIFI (PCN WIFI) bagi menggantikan perkhidmatan PutraWifi yang akan ditamatkan pada 27 Disember 2019.

Dengan menggunakan kemudahan baharu ini internet dapat diakses dengan lebih cepat dan mudah berbanding dengan sistem sebelumnya.



HUMAN RIGHTS DAY 2019

Sempena sambutan Hari Hak Asasi Manusia 2019 di seluruh dunia, satu forum bertajuk *StandUp4HumanRights* telah diadakan pada 10 Disember 2019 (Selasa) bertempat di Hotel Sheraton, Kuala Lumpur.

Penganjuran forum ini melibatkan kerjasama antara Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Luar Negeri (KLN), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Malaysia.

Sambutan ini dirasmikan oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang).



BENGKEL PERANCANGAN PELAN STRATEGIK BHEUU 2021-2025

Pada 10 hingga 12 Disember 2019, Bengkel Perancangan Pelan Strategik BHEUU telah diadakan di Dewan Saksama, Aras 2 BHEUU yang bertujuan untuk merangka Pelan Strategik BHEUU untuk lima tahun bermula tahun 2021 hingga tahun 2025.

Perancangan ini memberi gambaran terhadap hala tuju BHEUU dalam jangka masa tersebut.

Bengkel ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Ketua Pengarah BHEUU.



**SEKIAN
TERIMA KASIH**

LEBIH KASIH

Diterbitkan oleh :

Unit Komunikasi Korporat
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62692
PUTRAJAYA

Tel : 03-88851000
Faks : 03-88851062
Emel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my



[bheuuipm](#)



[bheuuipm](#)



[bheuuipm](#)



www.bheuu.gov.my

